

Semak Bajet 2016 jika harga minyak kritikal

» Kerajaan terus sokong pertumbuhan perniagaan pacu ekonomi negara

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bharian.com.my

Kerajaan akan menyemak semula Bajet 2016 sekiranya harga minyak mentah Brent terus jatuh, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Beliau berkata, ketika Bajet 2016 dibuat, perancangan perbelanjaan negara disandarkan kepada andaian harga Brent pada purata AS\$48 satu tong, yang dianggap

munasabah pada waktu itu.

“Kerajaan perlu mengoptimalkan pelan pembangunan negara sekiranya harga minyak terus berada di paras rendah... dan ini termasuk, sekiranya perlu, menyemak semula beberapa projek yang sudah diumumkan sebelum ini.

“Berdasarkan harga minyak semasa, Brent ketika ini kira-kira AS\$10 satu tong lebih rendah daripada andaian sebelum ini dan sama ia akan kekal atau hanya kejatuhan sementara, ia akan terus dipantau,” katanya. Pada penutup dagangan semalam, harga Brent berada pada AS\$37.67.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Syarahan Perdana bertajuk Tinjauan Ekonomi: Hala Tuju Bagi Malaysia di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Kuala Lumpur, semalam.

Syarahan Perdana itu dianjurkan

kan Kelab Alumni Sekolah Perniagaan Harvard Malaysia (HBSACM) dan Sekolah Perniagaan Antarabangsa UTM. Hadir sama Presiden HBSACM, Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang dan Pengarah Aktivitinya, Datuk Othman Yusoff.

Strategi berkesan

Wahid berkata, kerajaan akan terus menyokong pertumbuhan perniagaan dan syarikat di negara ini bagi memastikan sebarang potensi impak ke atas ekonomi negara akan dapat dilindungi, sekiranya harga minyak kekal di paras rendah semasa.

Bagaimanapun, beliau mene-

gaskan semakan semula Bajet 2016 hanya akan dibuat sekiranya harga minyak mentah jatuh di paras kritikal.

“Kalau kita mahu ubah bajet berdasarkan perubahan harga harian.... ia mesti bersandarkan andaian harga berpandukan arah aliran,” katanya yang menjangka terdapat potensi harga minyak mentah naik tahun depan.

Mengulas langkah Rizab Persekutuan (Fed), AS menaikkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas lewat malam tadi, Wahid berkata, keputusan bank pusat itu adalah dijangka dan dinantikan, selain dalam jangkaan ke-

banyakan penganalisis.

Katanya, negara mengambil kira andaian peningkatan itu dan menjangka ringgit akan diniagakan stabil pada kadar purata RM4.20 berbanding dolar.

“Saya tidak bersetuju langkah kenaikan kadar faedah itu akan menjurus kepada aliran keluar modal dari Malaysia. Pelaburan dibuat di Malaysia kerana kestabilannya, kekukuhan asas mikroekonomi, dan sebagainya. Saya kira ia akan berterusan kerana kita memiliki asas ekonomi, sumber dan pasaran eksport yang pelbagai, selain disiplin fiskal,” katanya.

INFO

HARGA MINYAK MENTAH BRENT

